

05 JUL 1999

Buryatia-Penerbangan

BURYATIA MAHU WUJUD PUSAT PENERBANGAN DI MALAYSIA

PUTRAJAYA, 5 Julai (Bernama) -- Republik Buryatia merancang mewujudkan sebuah pusat penerbangan di Malaysia untuk memenuhi pasaran bagi helikopter buatannya di rantau ini, kata presidennya Leonid Vassilievich Potapov.

Beliau berkata cadangan untuk menubuhkan sebuah pusat penerbangan serantau di sini diberi keutamaan oleh republik itu memandangkan ia mempunyai potensi yang sangat luas.

"Kami mempunyai pasaran yang luas di rantau ini...kami menjual helikopter ke Sri Lanka, China dan beberapa negara lain di rantau ini," katanya kepada pemberita menerusi seorang jurubahasa selepas mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini.

Potapov berkata pusat seperti itu akan juga membolehkannya menawarkan perkhidmatan selepas jualan kepada para pembeli, satu daripada bidang yang boleh memberi faedah bersama kepada Malaysia dan Buryatia, sebuah republik autonomi di Rusia.

Beliau berkata cadangan itu dibincangkan dengan Dr Mahathir semasa pertemuannya, yang turut dihadiri duta Rusia ke Malaysia, Alexei D. Zhoukov dan Presiden Airod Sdn Bhd dan Industri AeroAngkasa Malaysia, Tan Sri Ahmad Johan.

Malaysia membeli dua buah helikopter M117 dengan harga lebih RM60 juta dari republik itu tahun lepas untuk kegunaan Jabatan Bomba dan Penyelamat bagi operasi menyelamat.

Potapov berkata satu rombongan dari Airod melawat republik itu tahun lepas untuk menilai pusat penerbangan mereka dan melihat sama ada ia berdaya maju bagi menubuhkan sebuah pusat di Malaysia.

Potapov, yang tiba ke negara ini Jumaat lepas untuk lawatan enam hari ke Malaysia, juga berkata republik itu menggalakkan pelaburan Malaysia di sana, terutama dalam bidang perlombongan, pemprosesan kayu balak dan pelancongan.

Buryatia, yang terletak di sepanjang pantai timur Tasik Baikal, kaya daripada segi sumber asli seperti zink, emas, bentonit, plumbum, grafit, marmar manakala 72 peratus wilayahnya diliputi hutan.

Potapov berkata republik itu mengagumi kepimpinan Dr Mahathir, terutama dalam arena antarabangsa dan telah menjemput Perdana Menteri melawat Buryatia pada bulan depan.

-- BERNAMA

AR AKD